

Umno Selangor serah 11 nama kepada PM'

BH 1 2 AUG 2000

Oleh Minarni Mat Saad

KLANG, Jumaat - Badan Perhubungan Umno Selangor hari ini menyerahkan 11 nama Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), termasuk sepuluh yang menjadi ketua bahagian, sebagai calon Menteri Besar Selangor, kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Langkah Perhubungan Umno Selangor hanya memasukkan nama mereka yang menjadi Adun dalam senarai itu, dipercayai bagi mengelak pilihan raya kecil, untuk menggantikan Datuk Seri Abu Hassan Omar, yang meletakkan jawatannya semalam.

Senarai itu diserahkan oleh

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Tan Sri Muhammad Muhd Taib kepada Perdana Menteri di Putrajaya, pada jam 8.30 pagi ini.

Muhammad ditemani tiga wakil Umno Selangor iaitu Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Seri Onn Ismail; Senator Datuk Ghazi Ramli dan Ketua Umno Bahagian Tanjung Karang, Datuk Mohd Aini Taib.

Bagaimanapun beliau enggan mendedahkan nama-nama itu kerana senarai berkenaan sudah berada di tangan Perdana Menteri.

"Saya tidak boleh memberitahu siapa yang disenaraikan. Bila pergi ke Putrajaya, tanyalah kepada Perdana Menteri," katanya ketika dihubungi selepas menyerahkan senarai itu.

Katanya, semua nama itu memenuhi kriteria Umno Selangor iaitu calon berkenaan hendaklah seorang Adun atau Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

"Oleh itu, nama Muhammad Muhd Taib tiada dalam senarai kerana beliau bukan seorang wakil rakyat," katanya ketika ditanya sama ada nama beliau turut tersenarai dalam senarai 11 calon itu.

Sementara itu, sumber-sumber memberitahu *Berita Harian*, mulanya 10 nama disenaraikan tetapi satu nama lagi dimasukkan pada saat akhir.

Senarai 11 nama itu ialah:

- Timbalan Menteri Besar, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Pendidikan dan Pembangunan Kemanusiaan;
- Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Penerangan dan Teknologi Maklumat, Datuk Mohd Sharif Jajang;
- Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kerajaan

Tempatan serta Setinggalan, Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahlan;

- Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Industri Kecil dan Sederhana, Belia dan Sukan, Datuk Abdul Fatah Iskandar;
- Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Perikanan, Datuk Raja Ideris Raja Ahmad;
- Adun, Batu Tiga, Datuk Salamon Selamat;
- Adun Selat Klang, Datuk Zakaria Md Deros;
- Adun Selayang Baru, Datuk Ahmad Bhari Abdul Rahman;

- Adun Hulu Bernam, Datuk Mohamed Idris Abu Bakar;

- Adun Puchong, Datuk Mohamad Satim Diman; dan
- Adun Batang Kali, Datuk Zainal Abidin Sakom;

Kecuali Zainal Abidin yang menjadi Timbalan Ketua Bahagian Umno Hulu Selangor, semua calon lain ialah ketua bahagian.

Sementara itu, jurucakap pejabat Badan Perhubungan Umno Negeri memberitahu mesyuarat rasmi hanya akan berlangsung di bangunan Umno Selangor sebaik saja Perdana Menteri mengumumkan nama Menteri Besar yang baru.